

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(XVIII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

3. 50,000 ikan mati di Telok Bahang pada 14 Ogos 2019.
  - (a) Apakah langkah yang diambil selepas kejadian ini oleh Kerajaan Negeri?
  - (b) Apakah bentuk sokongan yang telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha yang terlibat?
  - (c) Sila sebutkan keputusan kajian yang telah dibuat sebab berlakunya perkara ini.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Pada awal bulan Ogos 2019, beberapa kawasan di utara Semenanjung Malaysia dilanda Taufan Lekima termasuk kawasan perairan Pulau Pinang seperti di Sungai Udang, Telok Bahang dan Pantai Jerejak. Dianggarkan sekitar 50,000 ikan ternakan dalam sangkar mati di Telok Bahang susulan daripada kejadian taufan tersebut yang menyebabkan ramai pengusaha ikan dalam sangkar mengalami kerugian.
  - (a) Selepas kejadian ikan mati di Telok Bahang, Kerajaan Negeri telah mencadangkan supaya sangkar-sangkar tersebut dipindahkan ke lokasi baru yang terletak di luar daripada kawasan rizab Taman Negara. Walau bagaimanapun, berdasarkan hasil kajian kesesuaian tapak yang telah dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Perikanan, Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung, tiada kawasan yang sesuai untuk membuat pemindahan sangkar-sangkar tersebut. Buat sementara waktu, sangkar-sangkar tersebut dibenarkan

beroperasi di kawasan sedia ada dengan mengikut garis panduan Jabatan Perikanan seperti mengurangkan kadar kepadatan ikan dalam sangkar dan menjaga kebersihan sangkar.

- (b) Bagi memastikan pengusaha-pengusaha dapat mengoperasikan sangkar dan menguruskan pengambilan pekerja asing, Jabatan Perikanan telah meluluskan pembaharuan Lesen Kultur Laut (SKL) dan diberikan secara sementara supaya pendapatan pengusaha tidak terjejas. Selain itu, senarai pengusaha terlibat telah dipanjangkan ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (pada masa kini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) bagi membolehkan mereka menerima insentif di bawah Tabung Bencana sebanyak RM2,500.00 seorang. Walau bagaimanapun, keputusan bantuan sama ada bantuan dipertimbangkan atau tidak masih belum diterima dan dijangka dapat diketahui selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selesai.
- (c) Keputusan dari persampelan dan kajian yang dilakukan adalah disebabkan oleh faktor :-
- (i) Kekurangan oksigen terlarut pada waktu malam yang berterusan sehingga awal pagi telah menyebabkan ikan mengalami tekanan dan kematian;
  - (ii) Paras air laut yang surut pada waktu malam kejadian sehingga ke paras 2 meter dan kadar penstokan ikan dalam sangkar yang tinggi telah menambahkan lagi tekanan serta menyebabkan ikan menjadi lemas kerana kekurangan oksigen. Paras oksigen yang diperlukan untuk ternakan ikan adalah melebihi dari 5 mg/L manakala bacaan sampling yang dilakukan selama 48 jam telah menunjukkan penurunan oksigen sehingga paras 2.8 mg/L; dan
  - (iii) Pengurusan ternakan yang lemah, di mana jaring sangkar tidak dicuci dengan kerap telah menyebabkan aliran air ke dalam sangkar menjadi perlahan dan ini menambahkan lagi tekanan kepada ternakan untuk mendapatkan bekalan oksigen.